

PERLEMBAGAAN BAGI
BADAN KEBAJIKAN ISLAM KASTAM MALAYSIA
(PPM-004-14-06041991)

Fasal 1 NAMA

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

BADAN KEBAJIKAN ISLAM KASTAM MALAYSIA

selepas ini disebut Pertubuhan.

(2) Takrif Nama : BAKISKARNRNBA - BADANRNK - KEBAJIKANRNIS - ISLAMRNKA - KASTAMRNBADAN KEBAJIKAN ISLAM KASTAM

(3) Bertaraf : LAIN-LAIN

Fasal 2 TEMPAT URUSAN

(1) Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

**IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,
NO. 3, PERSIARAN PERDANA, PRECINT 2, PUTRAJAYA
62596 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pusat; dan alamat untuk surat-menyurat adalah

**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA, ARAS 5, KOMPLEKS KASTAM WPKL, JALAN
SS 6/3, KELANA JAYA
47301 PETALING JAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pusat;

(2) Tempat urusan berdaftar dan alamat surat-menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

Fasal 3 TUJUAN/MATLAMAT

3.1 Mendukung pelaksanaan cita-cita dan nilai hidup Islam sebagai agama rasmi yang termaktub dalam Perlembagaan Negara Malaysia.

3.2 Mendukung kepercayaan kepada Allah dan berpegang teguh kepada ajaran agama Islam

berasaskan Al-Quran dan Sunnah.

3.3 Menumpu kegiatan kebajikan Islam di kalangan kakitangan di Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

3.4 Untuk mencapai matlamatnya BAKISKA akan:-

3.4.1 Berusaha menganjur dan mengadakan kegiatan-kegiatan untuk mempertingkatkan keimanan, ketaqwaan dan beramal soleh dalam konteks mengajak ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran dengan berteraskan prinsip dakwah secara bijaksana dan bimbingan yang mulia.

3.4.2 Menyediakan kesempatan dan menggalakkan penglibatan ahli-ahli dalam kegiatan BAKISKA.

3.4.3 Berusaha mendapatkan sumber kewangan dan tenaga pengajar bagi kelancaran perjalanan aktiviti.

3.4.4 Mentadbir kegiatan dan kebajikan ahli-ahli.

3.4.5 Menubuhkan syarikat perniagaan dan/atau konsortium yang dibenarkan.

Fasal 4 **KEAHLIAN**

4.1 Ahli-ahli BAKISKA terbuka kepada semua kakitangan Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang beragama Islam.

4.2 PENAUNG BAKISKA - Pegawai Islam yang menyandang jawatan tertinggi dalam Jabatan Kastam Diraja Malaysia akan dijemput menjadi Penaung BAKISKA.

4.3 Setiap ahli BAKISKA berhak mengundi dan layak memegang jawatan dalam BAKISKA.

4.4 Pemegang-pemegang jawatan dalam Pertubuhan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas serta Ahli dalam BAKISKA hendaklah Warganegara Malaysia.

4.5 Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dihantar kepada Setiausaha Cawangan tempatan yang hendaklah mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Setiausaha Agung atau Jawatankuasa Pusat untuk diluluskan. Jawatankuasa Pusat boleh mengikut budi bicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya. Permohonan-permohonan menjadi ahli di tempat dimana cawangan belum ditubuhkan, hendaklah diuruskan Setiausaha Agung dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pusat.

4.6 Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut di atas setelah membayar yuran bulan pertama seperti yang tertentu, hendaklah diterima menjadi ahli BAKISKA dan berhaklah ia sebagai ahli. Mereka berhak menyertai semua kegiatan BAKISKA, mengundi di mana berkaitan dan memegang jawatan dalam BAKISKA.

4.7 Ahli BAKISKA Bertanggungjawab mendukung dan memelihara keutuhan serta kewibawaan pengurusan dan pentadbiran Jawatankuasa bagi kepentingan matlamat-matlamat BAKISKA.

4.8 Adalah menjadi tugas setiap ahli bagi menjelaskan yuran-yuran yang telah ditetapkan dan

mana-mana ahli-ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli BAKISKA hendaklah memberi notis berhenti sebulan daripada tarikh berkuatkuasa.

4.9 Ahli-ahli BAKISKA yang telah bersara dari perkhidmatan di Jabatan Kastam Diraja Malaysia atau meletak jawatan atau bertukar ke Jabatan lain adalah dibenarkan untuk meneruskan keahliannya sebagai AHLI BERSEKUTU, walau bagaimanapun mereka tidak berhak untuk mengundi dan memegang jawatan dalam BAKISKA.

Fasal 5 PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

5.1 Mana-mana ahli boleh berhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan dengan mengemukakan notis bertulis kepada Setiausaha Agung BAKISKA.

5.2 Mana-mana bekas ahli BAKISKA boleh memohon semula untuk menjadi ahli BAKISKA dengan mengemukakan permohonan baru.

5.3 Ahli BAKISKA boleh dipecat jika didapati menyalahi etika Perlembagaan BAKISKA atau disabit oleh Mahkamah kerana melakukan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa pada masa itu.

5.4 Ahli BAKISKA yang telah berhenti, dipecat dan/atau tidak lagi berkhidmat dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia akan kehilangan kesemua kelebihan dan kepentingan yang ditetapkan dalam BAKISKA.

5.5 Ahli BAKISKA yang telah berhenti, dipecat dan/atau tidak lagi berkhidmat dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan memegang jawatan dalam Jawatankuasa Pusat atau Cawangan akan secara automatik terlucut jawatannya pada tarikh pemberhentian atau pemecatannya.

Fasal 6 SUMBER KEWANGAN

YURAN KEAHLIAN DAN BAYARAN LAIN

6.1 Ada pun sumber kewangan BAKISKA ialah daripada:-

- a) Yuran Bulanan RM5.00 (tiap-tiap bulan)
- b) Derma Ikhlas
- c) Lain-lain pendapatan yang halal

6.2 Tiap-tiap ahli Bakiska hendaklah membayar yuran bulanan dan derma ikhlas kepada Bendahari Agung.

6.3 Cawangan adalah berhak mendapatkan peruntukan yuran bulan ahli-ahli cawangannya dari BAKISKA Pusat sebanyak 50%. Selain itu, Cawangan boleh juga mendapatkan sumber pendapatan-pendapatan lain yang halal.

Fasal 7 MESYUARAT PERWAKILAN

7.1 Mesyuarat Agung Perwakilan-perwakilan hendaklah diadakan dua (2) tahun sekali, pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pusat. Kerja-kerja Mesyuarat Agung Perwakilan-perwakilan ialah:-

7.1.1 Prestasi BAKISKA dalam melaksanakan matlamat-matlamatnya.

7.1.2 Penyata Kewangan yang sempurna diaudit. Bagi tujuan ini tempoh penyata ialah dari 1hb Januari hingga 31hb Disember kecuali jika Jawatankuasa menetapkan tempoh lain.

7.1.3 Pemilihan Jawatankuasa. (dua tahun sekali)

7.1.4 Pemilihan Juru Audit Kehormat. (dua tahun sekali)

7.1.5 Menguruskan lain-lain perkara yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.

7.2 Setiausaha Agung hendaklah memberi notis Mesyuarat Agung Perwakilan dengan bertulis atau secara online dalam tempoh tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh mesyuarat kepada Setiausaha-setiausaha Cawangan beserta agenda mesyuarat.

7.3 Koram bagi Mesyuarat Agung adalah separuh (1/2) daripada jumlah ahli Perwakilan Mesyuarat Agung atau dua kali ganda bilangan anggota Jawatankuasa Pusat mengikut mana lebih kecil.

7.4 Jika Mesyuarat Agung tidak dapat diadakan dua kali berturut-turut kerana ketiadaan koram maka ahli-ahli yang hadir boleh menjalankan Mesyuarat Agung.

7.5 Setiap cawangan boleh menghantar tidak lebih dari dua orang bagi 50 orang yang pertama atau sebahagian daripada jumlah itu dan seorang wakil lagi bagi tiap-tiap 50 orang ahli yang selebih daripada 50 orang ahli yang pertama itu, dengan syarat jumlah wakil ahli tidak lebih daripada 10 orang ke Mesyuarat Agung Perwakilan.

7.6 Setiausaha Agung hendaklah memaklum melalui surat atau emel kepada Setiausaha Cawangan mengenai keperluan nama-nama perwakilan yang akan hadir semasa Mesyuarat Agung dalam tempoh masa 30 hari sebelum mesyuarat berlangsung.

7.7 MESYUARAT KHAS PERWAKILAN bagi BAKISKA boleh diadakan:

7.7.1 Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa Pusat atau,

7.7.2 Atas permintaan dengan bertulis oleh ahli-ahli Jawatankuasa bagi ½ daripada jumlah cawangan berdaftar.

7.7.3 Mesyuarat Agung Khas Perwakilan yang diminta oleh Cawangan-cawangan hendaklah diadakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.

7.7.4 Fasal 7.3 dan Fasal 7.4 didalam undang-undang ini berkenaan koram dan penangguhan Mesyuarat Agung Perwakilan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas Perwakilan.

7.7.5 Setiausaha Agung hendaklah menghantarkan kepada semua Setiausaha Cawangan salinan rangka peringatan tiap-tiap Mesyuarat Agung Perwakilan atau Mesyuarat Agung Khas Perwakilan

dengan seberapa segera setelah selesai mesyuarat itu.

Fasal 8 **JAWATANKUASA PUSAT**

8.1 Pengurusan dan pentadbiran BAKISKA adalah diamanahkan kepada sebuah Jawatankuasa yang dipilih oleh Perwakilan dalam Mesyuarat Agung Tahunan pada tiap-tiap dua tahun sekali. Kecuali dibubarkan, Jawatankuasa akan berkhidmat hingga sebuah Jawatankuasa baru dipilih.

8.2 Jawatankuasa dan struktur hendaklah terdiri daripada:-

- 8.2.1 Seorang Yang Di Pertua
- 8.2.2 Seorang Timbalan Yang Di Pertua
- 8.2.3 Seorang Naib Yang Di Pertua
- 8.2.4 Seorang Setiausaha Agung
- 8.2.5 Seorang Penolong Setiausaha Agung
- 8.2.6 Seorang Bendahari Agung
- 8.2.7 Lapan (8) orang Ahli Jawatankuasa biasa

8.3 Jawatankuasa Setiausaha Agung serta Penolong Setiausaha Agung dan Bendahari Agung hendaklah dilantik oleh YDP di dalam dan dengan persetujuan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa daripada kalangan ahli-ahli atau AJK BAKISKA dan akan memegang jawatan itu sehingga ia meminta berhenti atau diberhentikan oleh Jawatankuasa dengan apa-apa sebab sekalipun. Pemegang-pemegang jawatan pertubuhan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas-tugas dalam BAKISKA hendaklah warganegara Malaysia.

8.4 Yang Dipertua diberi kuasa melantik lima (5) orang AJK Tambahan sekiranya diperlukan.

8.5 Setiap ahli BAKISKA layak dipilih menjadi anggota Jawatankuasa.

8.6 Mana-mana anggota Jawatankuasa boleh memohon meletakkan jawatan secara bertulis kepada Setiausaha Agung atau Yang Di Pertua untuk diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa. Jawatankuasa bertanggungjawab untuk melantik mana-mana ahli bagi mengisi kekosongan anggotanya.

8.7 Jika seseorang Ahli Jawatankuasa Pusat meninggal dunia atau meletak jawatan, calon kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhkan kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian itu tidak ada atau menolak jawatan itu, maka hendaklah Jawatankuasa Pusat melantik ahli Bakiska yang lain memenuhkan kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan diadakan.

8.8 Bagi menjalankan program BAKISKA dengan lebih berkesan Jawatankuasa boleh menubuhkan Lajnah-lajnah/Biro jika difikirkan perlu.

8.9 Jika difikirkan perlu untuk kepentingan pengurusan yang lebih teratur Jawatankuasa Pusat atau Jawatankuasa Cawangan melalui keputusan mesyuaratnya, bolehlah melantik pekerja untuk mengendalikan pentadbiran BAKISKA dengan bergaji bulanan.

8.10 **MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT:**

8.10.1 Jawatankuasa Pusat hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya satu (1) kali

dalam tempoh tiga (3) bulan atau pun empat (4) kali dalam tempoh setahun. Kedudukan kewangan BAKISKA hendaklah dibincangkan pada tiap-tiap mesyuarat jawatankuasa kecuali jika mesyuarat berkenaan terpaksa diadakan tergesa-gesa tanpa memberi waktu yang munasabah untuk menyediakan butir-butir kedudukan kewangan.

8.10.2 Kourum Mesyuarat sekurang-kurangnya $\frac{1}{2}$ bilangan ahli Jawatankuasa. Dengan syarat jika mana-mana mesyuarat tidak dapat dijalankan bagi kali ketiga berturut-turut kerana ketiadaan kourum, maka jawatankuasa yang hadir boleh menjalankan mesyuarat.

8.10.3 Kecuali bagi mesyuarat yang terpaksa diadakan secara tergepar, Setiausaha Agung hendaklah menghantar notis mesyuarat dengan bertulis dalam tempoh tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat.

8.10.4 Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa Pusat dan mesyuarat tidak dapat diadakan, maka bolehlah Setiausaha Agung mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pusat secara pendedaran surat pekeliling atau melalui medium elektronik. Syarat mengenainya seperti berikut hendaklah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa Pusat boleh dianggap sebagai diterima:

(a) Masalah atau perkara yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang dan jelas di dalam surat pekeliling atau medium elektronik yang diedarkan kepada setiap Ahli Jawatankuasa Pusat;

(b) Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa Pusat mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap cadangan itu; dan

(c) Keputusan hendaklah dengan undi terbanyak. Sebarang keputusan yang diperolehi melalui surat pekeliling atau medium elektronik hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha Agung kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pusat berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam peringatan mesyuarat.

8.10.5 Ahli Jawatankuasa Pusat yang mungkir menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pusat tiga (3) kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletak jawatan di dalam Jawatankuasa Pusat.

8.10.6 Jawatankuasa Pusat boleh memberi perintah kepada Setiausaha Agung dan Pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan-urusan pentadbiran BAKISKA termasuk menggantung atau melucutkan Jawatankuasa atau Ahli kerana cuai ataupun engkar perintah yang boleh merosakkan kepentingan Pertubuhan.

Fasal 9 **KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI**

9.1 YANG DI PERTUA

9.1.1 Yang Di Pertua mempunyai hak-hak yang sama seperti ahli biasa dan undi pemutus bila perlu.

9.1.2 Yang Di Pertua bertanggungjawab sebagai ketua pentadbiran dan pengurusan BAKISKA.

9.1.3 Yang Di Pertua hendaklah menjadi Pengerusi bagi Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat

Agung serta bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan mesyuarat dan menandatangani pengesahan minit mesyuarat.

9.1.4 Yang Di Pertua hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Setiausaha Agung dan Bendahari Agung.

9.2 TIMBALAN YANG DI PERTUA

9.2.1 Timbalan Yang Di Pertua mempunyai hak-hak yang sama seperti ahli biasa serta hak dan tanggungjawab memangku jawatan Pengerusi semasa ketiadaan Yang Di Pertua.

9.2.2 Membantu Yang Di Pertua dalam menyelia urusan pentadbiran BAKISKA.

9.3 NAIB YANG DI PERTUA

9.3.1 Membantu Yang Di Pertua dan Timbalan Yang Di Pertua dalam menyelia pentadbiran BAKISKA dan memangku tugas Yang Di Pertua dan Timbalan Yang Di Pertua semasa ketiadaan mereka.

9.4 SETIAUSAHA AGUNG

9.4.1 Setiausaha Agung mempunyai hak-hak yang sama seperti ahli biasa.

9.4.2 Bertanggungjawab menghadiri dan membuat catatan atas semua urusan-urusan Mesyuarat Perwakilan dan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat BAKISKA.

9.4.3 Bertanggungjawab mengenai pentadbiran BAKISKA dan Jawatankuasa.

9.4.4 Bertanggungjawab menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Yang Dipertua dan Bendahari Agung.

9.5 PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG

9.5.1 Penolong Setiausaha Agung mempunyai hak-hak yang sama seperti ahli biasa.

9.5.2 Bertanggungjawab atas urusan-urusan Mesyuarat BAKISKA dan Jawatankuasa.

9.5.3 Membantu Setiausaha Agung.

9.6 BENDAHARI AGUNG

9.6.1 Bendahari Agung mempunyai hak-hak yang sama seperti ahli biasa.

9.6.2 Bertanggungjawab atas urusan pentadbiran kewangan BAKISKA termasuk menyimpan akaunnya yang kemaskini.

9.6.3 Bertanggungjawab mengemukakan penyata kewangan bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pusat dan Mesyuarat Agung Perwakilan mengikut Fasal 8.1 dan Fasal 7.1.

9.6.4 Bertanggungjawab memegang wang tunai BAKISKA di bawah peruntukan Fasal 6.4

9.7 AHLI-AHLI JAWATANKUASA BIASA

9.7.1 Bertanggungjawab secara individu dan bersepadu dengan lain-lain Ahli Jawatankuasa untuk memikir dan mengusaha pembangunan serta kemajuan matlamat-matlamat BAKISKA

Fasal 10 **KEWANGAN**

10.1 Urusan kewangan Pusat atau Cawangan BAKISKA hendaklah diuruskan oleh Bendahari, kecuali bagi amaun tertentu yang boleh dipegang oleh Bendahari, semua kumpulan wang BAKISKA hendaklah disimpan dalam bank atas nama Badan Kebajikan Islam Kastam Malaysia (BAKISKA).

10.2 Bendahari Agung boleh memegang wang tunai untuk kegunaan Bakiska sejumlah yang perlu bagi menjelaskan tanggungan biasa BAKISKA bagi sebulan atau RM8,000 (Ringgit: Lapan Ribu) mengikut mana yang lebih rendah jumlahnya.

10.3 Perbelanjaan yang lebih daripada RM2,000.00 (Ringgit: Dua Ribu) tetapi tidak melebihi RM50,000.00 (Ringgit: Lima Puluh Ribu) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Pusat dan perbelanjaan yang melebihi RM50,000.00 (Ringgit: Lima Puluh Ribu) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung Perwakilan terlebih dahulu. Perbelanjaan yang kurang daripada RM2,000.00 (Ringgit: Dua Ribu) boleh diluluskan oleh Yang Dipertua bersama Setiausaha Agung dan Bendahari Agung.

10.4 Semua cek atau kenyataan pengeluaran wang daripada kira-kira BAKISKA hendaklah ditandatangani bersama oleh Yang Dipertua (atas ketiadaannya oleh Timbalan Yang Dipertua), Setiausaha Agung dan Bendahari Agung. Semasa ketiadaan Setiausaha Agung atau Bendahari Agung maka bolehlah Jawatankuasa Pusat melantik sesiapa diantara mereka sebagai pengganti untuk menurun tandatangan.

10.5 Penyata dari hal wang yang diterima dan dibelanjakan berserta timbangan kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan dan diperiksa oleh Juru Audit. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Mesyuarat Agung Dwitahunan Perwakilan-perwakilan yang berikutan, dan salinan-salinannya hendaklah dapat diperolehi untuk makluman ahli dari alamat BAKISKA yang berdaftar dan dari pejabat tiap-tiap cawangan-cawangan.

10.6 Tahun Kewangan Pertubuhan ini bermula daripada 1hb Januari tiap-tiap tahun.

Fasal 11 **JURUAUDIT**

11.1 BAKISKA hendaklah mempunyai dua (2) orang Juru Audit Kehormat yang dipilih dalam Mesyuarat Agung setiap dua tahun sekali. Mana-mana ahli BAKISKA selain daripada Penaung dan anggota jawatankuasa yang sedang berkhidmat adalah layak dilantik menjadi Juru Audit Kehormat.

11.2 Juru-juru Audit bertanggungjawab memeriksa akaun BAKISKA dan memberi laporan atau pengesahan kepada jawatankuasa sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh setahun.

11.3 Seorang Juru Audit boleh memohon meletakkan jawatan secara bertulis kepada Setiausaha Agung untuk diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa.

11.4 Jawatankuasa bertanggungjawab melantik mana-mana ahli untuk mengisi kekosongan jawatan Juru Audit.

Fasal 12 **PENTADBIR HARTA**

12.1 Segala harta alih dan/atau harta tidak alih BAKISKA hendaklah didaftar atas nama BAKISKA dan segala suratcara pelaksanaan berkaitan dengan harta ini dianggap sah dan berkuatkuasa seolah-olah ianya telah dilaksanakan oleh seorang tuan punya berdaftar dengan syarat suratcara itu disempurnakan oleh 3 orang pemegang jawatan BAKISKA pada masa itu yang mana perlantikan mereka disahkan melalui sijil perakuan yang dikeluarkan oleh Pendaftar Pertubuhan dan dimeteri dengan meteri Pertubuhan.

12.2 Harta alih dan/atau tidak alih BAKISKA tidak boleh dijual, digadai, ditarik balik atau ditukar milik tanpa persetujuan Ahli Jawatankuasa Kerja

Fasal 13 **PEMBUBARAN**

13.1 BAKISKA boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada 3/5 jumlah semua ahli-ahli yang berhak mengundi.

13.2 Sekiranya BAKISKA hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas maka segala hutang dan tanggungan BAKISKA yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui di dalam Mesyuarat Agung.

13.3 Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan di dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.

Fasal 14 **PENUBUHAN DAN PEMBUBARAN CAWANGAN-CAWANGAN**

14.1 Jawatankuasa Pusat boleh membenarkan penubuhan cawangan di kawasan yang mempunyai sekurang-kurangnya 20 ahli BAKISKA.

14.2 Jawatankuasa Pusat boleh membubarkan cawangan-cawangan:-

- a) Jika bilangan ahli-ahli di dalam masa enam bulan berturut-turut kurang daripada 20 orang; atau,
- b) Jika cawangan tidak patuh kepada undang-undang BAKISKA atau keputusan Mesyuarat Agung Perwakilan atau Jawatankuasa Pusat atau jika difikirkan bersalah oleh Jawatankuasa Pusat kerana perbuatan yang merosakkan BAKISKA.

14.3 Keputusan membubarkan cawangan dengan undi terbanyak di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat, dengan syarat sebelum di ambil keputusan membubarkan cawangan dengan sebab yang disebutkan di perenggan 8.2 (b) di atas, cawangan yang berkenaan hendaklah

diberikan satu kenyataan 30 hari terlebih dahulu dan diberi peluang untuk menjawab tuduhan-tuduhan.

14.4 Perintah pembubaran hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Agung Cawangan tidak boleh dijalankan mulai dari tarikh penerimaan perintah kecuali kerana urusan berkenaan pembubaran. Sebarang cawangan yang muskhil atas perintah pembubaran boleh, dengan kenyataan bertulis kepada Setiausaha Agung di dalam tempoh 32 hari daripada penerimaan perintah, membuat rayuan kepada Mesyuarat Agung Dwitahunan Perwakilan-perwakilan. Walaupun rayuan telah dibuat namun perintah pembubaran masih berjalan kuasanya sehingga dibatalkan tetapi di dalam keadaan yang demikian Jawatankuasa pengurus dari ahli-ahli untuk menguruskan hal-hal cawangan itu sementara rayuan ditimbangkan.

14.5 Jika sesuatu cawangan ditutup kerana sebab yang disebutkan pada Fasal 14.2(a), aturan ini, maka Jawatankuasa Pusat hendaklah memindahkan ahli-ahli yang ada kepada cawangan yang ada kepada cawangan yang hampir sekali, dan jika cawangan ditutup di dalam Fasal 14.2(b) aturan ini maka ahli-ahli akan terhenti daripada menjadi ahli BAKISKA.

14.6 Adalah menjadi tanggungan kepada Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari bagi cawangan itu menyerahkan kepada Setiausaha Agung segala buku-buku, rekod-rekod, wang dan lain-lain harta yang dimiliki oleh cawangan itu beserta dengan satu keterangan kira-kira cawangan mulai daripada tarikh akhir penyata itu dihantarkan sehingga tarikh penutupan.

14.7 Jika ahli-ahli sesuatu cawangan hendak keluar dari BAKISKA, maka pegawai-pegawai cawangan itu dengan serta merta mestilah menyerahkan kepada Setiausaha semua buku-buku, rekod-rekod, wang dan lain-lain harta BAKISKA dan seterusnya menyedia dan menyerahkan keterangan kira-kira kepada kepada Setiausaha Agung seperti di Fasal 6 di atas.

Fasal 15 MESYUARAT AGUNG CAWANGAN

15.1 Tiap-tiap ahli cawangan BAKISKA berhak menghadiri, bercakap dan mengundi dalam sebarang Mesyuarat Agung cawangannya.

15.2 Mesyuarat Agung cawangan akan diadakan dua tahun sekali tidak lewat dari 30 hari selepas menerima pemberitahuan yang awal mengenai Persidangan Perwakilan Tahunan, supaya pemberitahu mengenai masa, tarikh, dan tempat akan dikeluarkan dan salinan-salinan agenda dan penyata kira-kira akan diberi kepada ahli-ahli tidak kurang dari 14 hari sebelum mesyuarat diadakan.

15.3 Kerja-kerja Mesyuarat Agung Dwitahunan Cawangan ialah untuk:-

- a) Menerima laporan Bendahari cawangan dan kira-kira Cawangan yang telah diaudit bagi tahun lepas.
- b) Melantik wakil-wakilnya kepada Persidangan Perwakilan untuk tahun hadapan.
- c) Melantik Jawatankuasa Cawangan dan Pemeriksa-pemeriksa kira-kira untuk tahun hadapan.
- d) Membincangkan perkara-perkara lain yang telah dibentangkan kepadanya.

15.4 Suatu Mesyuarat Agung Luar Biasa Cawangan hendaklah diadakan;-

- a) Atas perintah Jawatankuasa Pusat
- b) Apabila Jawatankuasa Cawangan fikirkan mustahak ; atau
- c) Atas permintaan bertulis daripada tidak kurang ½ ahli-ahli Cawangan dengan menyatakan tujuan dan sebab diadakan mesyuarat itu.

15.5 Suatu Mesyuarat Agung Luar Biasa Cawangan yang diadakan atas permintaan ahli-ahli akan diadakan tidak kewat dari 15 hari selepas diterima permintaan

15.6 Korum bagi Mesyuarat Agung cawangan adalah separuh (1/2) daripada jumlah ahli cawangan atau dua kali ganda bilangan anggota Jawatankuasa mengikut mana yang lebih kecil.

15.7 Jika Mesyuarat Agung tidak dapat diadakan dua kali berturut-turut kerana ketiadaan korum maka ahli-ahli yang hadir boleh menjalankan Mesyuarat Agung.

Fasal 16 **JAWATANKUASA CAWANGAN**

Fasal 16 JAWATANKUASA CAWANGAN

16.1 Suatu Jawatankuasa Cawangan seperti yang akan dikenal sebagai pemegang jawatan Cawangan, akan dilantik pada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan :-

- a) Seorang Pengerusi Cawangan
- b) Seorang Naib Pengerusi Cawangan
- c) Seorang Setiausaha yang Dipilih oleh Barisan Jawatankuasa dalam mesyuarat pertama selepas Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan
- d) Seorang Penolong Setiausaha yang Dipilih oleh Barisan Jawatankuasa dalam mesyuarat pertama selepas Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan
- e) Seorang Bendahari yang Dipilih oleh Barisan Jawatankuasa dalam mesyuarat pertama selepas Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan
- f) 8 orang Ahli-ahli Jawatankuasa Biasa
- g) Pemegang-pemegang jawatan cawangan pertubuhan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas-tugas pemerintah dalam cawangan BAKISKA ini hendaklah Warganegara Malaysia
- h) Pengerusi juga diberi kuasa melantik tiga (3) orang AJK Tambahan sekiranya diperlukan

16.2 Nama-nama untuk jawatan yang diatas hendaklah dicadang dan disokong dan pemilihan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Dwitahunan Cawangan.

16.3 Pekerjaan Jawatankuasa ialah mengelola dan mengatur kerja-kerja harian Cawangan mengikut Undang-undang BAKISKA dan arahan-arahan Jawatankuasa Pusat dan Persidangan Perwakilan. Jawatankuasa Cawangan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam 3 bulan dan kourum Mesyuarat sekurang-kurangnya $\frac{1}{2}$ bilangan ahli Jawatankuasa. Dengan syarat jika mana-mana mesyuarat tidak dapat dijalankan bagi kali ketiga berturut-turut kerana ketiadaan kourum, maka jawatankuasa yang hadir boleh menjalankan mesyuarat. Setiausaha cawangan akan memberi satu Salinan peringatan tiap-tiap mesyuarat kepada Setiausaha Agung tidak lewat daripada 14 hari selepas mesyuarat itu diadakan.

16.4 Mana-mana Jawatankuasa yang berpindah atau bertukar ke stesen lain, terus gugur jawatannya secara automatik dari cawangannya.

Fasal 17 **TUGAS-TUGAS PEGAWAI-PEGAWAI CAWANGAN**

17.1 Pengerusi dalam masa jawatannya akan menjadi Pengerusi semua Mesyuarat Agung dan mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat-mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan akan menandatangani peringatan-peringatan mesyuarat bila diluluskan. Ia hendaklah menandatangani semua cek-cek BAKISKA bersama-sama dengan Setiausaha dan Bendahari.

17.2 Naib Pengerusi akan memangku jawatan Pengerusi semasa ketiadaannya.

17.3 Setiausaha hendaklah menjalankan kerja-kerja BAKISKA mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah-perintah Mesyuarat Agung dan Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab menguruskan hal-hal surat menyurat dan menyimpan semua buku-buku, surat-surat dan kertas kecuali kira-kira dan buku-buku kewangan. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan-catatan. Ia hendaklah menandatangani semua cek-cek BAKISKA bersama-sama dengan Pengerusi dan Bendahari.

17.4 Penolong Setiausaha hendaklah membantu Setiausaha menjalankan kerja-kerjanya dan memangku jawatan itu dalam ketiadaannya.

17.5 Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan BAKISKA. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas kebetulannya. Ia hendaklah menandatangani semua cek-cek BAKISKA bersama-sama dengan Pengerusi dan Setiausaha.

17.6 Tugas-tugas Ahli-ahli Jawatankuasa yang lain hendaklah diterangkan.

Fasal 18 **KEWANGAN CAWANGAN**

18.1 Tahun Kewangan Cawangan hendaklah bermula dari 1hb. Januari dan berakhir pada 31hb. Disember tiap-tiap tahun.

18.2 Akaun bank hendaklah dibuka di atas nama Cawangan dan nama bank tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Bendahari Agung dan Pendaftar Pertubuhan.

18.3 Sekurang-kurangnya tiga (3) penandatanganan (signatories) hendaklah didaftarkan dengan akaun tersebut yang terdiri daripada jawatan-jawatan berikut:

- i. Pengerusi Cawangan;
- ii. Naib Pengerusi;
- iii. Setiausaha;
- iv. Penolong Setiausaha atau;
- v. Bendahari

18.4 Semua pengeluaran cek Cawangan hendaklah ditandatangani oleh mana-mana dua (2) penandatanganan yang didaftarkan tersebut.

18.5 Bendahari Cawangan boleh menyimpan wang tunai tidak melebihi RM8,000.00 pada sesuatu masa.

18.6 Perbelanjaan Cawangan yang melebihi RM5,001.00 bagi satu transaksi hendaklah mendapat kelulusan daripada Pengerusi atau Setiausaha bagi pihak Jawatankuasa Cawangan.

18.7 Perbelanjaan pentadbiran Cawangan hendaklah diambil daripada dana Cawangan dan ditentukan mengikut keperluan Cawangan pada satu-satu masa.

Fasal 19 **PERUNTUKAN-PERUNTUKAN UMUM MENGENAI CAWANGAN**

19.1 Dimana peruntukan khas tiada disebut di dalam undang-undang ini bagi perkara-perkara BAKISKA berbung dengan pentadbiran Cawangan-cawangan BAKISKA, undang-undang yang berkenaan mengenai pentadbiran Ibu Pejabat BAKISKA akan diikuti sejauh mana yang sesuai.

19.2 Mesyuarat Perwakilan dan Jawatankuasa Pusat akan memberi arahan-arahan kepada Mesyuarat Agung atau Jawatankuasa Cawangan mengenai pentadbirannya.

Fasal 20 **PINDAAN PERLEMBAGAAN**

20.1 Perlembagaan ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung Perwakilan-perwakilan. Perubahan-perubahan atau pindaan-pindaan kepada Undang-undang Perlembagaan hanya boleh dijalankan kuatkuasanya mulai tarikh perubahan-perubahan dan pindaan-pindaan itu dibenarkan oleh Pendaftar Pertubuhan. Permohonan untuk membuat perubahan atau pindaan undang-undang hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan dibuat.

Fasal 21 **TAFSIRAN PERLEMBAGAAN**

21.1 Di antara Mesyuarat-mesyuarat Agung, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang Perlembagaan ini dan bila mustahak memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini.

21.2 Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat di dalam Mesyuarat Agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad

jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

Fasal 22 **LARANGAN**

22.1 Dilarang menghisap candu di dalam rumah BAKISKA dan membawa masuk perempuan lucah dan orang-orang jahat ke dalam rumah BAKISKA.

22.2 Permainan yang disebutkan di bawah tidak boleh dimainkan di dalam rumah BAKISKA, Roulette, Lott, Fantan, Poh, Peh Bin, Belangkas, Pai Kau, Tau Ngau, Chap Ji Kee, Sam Cheong, Dua Puluh Satu, Sepuluh dan setengah, semua permainan dadu, banker's game dan semua permainan yang bergantung semata-mata kepada nasib.

22.3 Pertubuhan ini tidak boleh menjilankan loteri samada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama BAKISKA atau pegawai-pegawainya atau Jawatankuasa atau ahli.

22.4 Aktivi bercorak keagamaan dan dakwah:

- i. Segala kegiatan bercorak keagamaan hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Jabatan Agama Islam Negeri
- ii. Hendaklah memastikan agar Pensyarah/ Penceramah yang dijemput terdiri daripada pihak-pihak yang mempunyai kebenaran mengajar agama daripada Jabatan Agama Islam Negeri.
- iii. Hendaklah bebas daripada mana-mana kegiatan/ agama/ ilmu-ilmu dan seumpamanya yang bertentangan dengan agama Islam.
- iv. Aktiviti-aktiviti dirancangan pada keseluruhannya hendaklah tidak bercanggah daripada tuntutan Islam, menjamin akhlak yang baik bagi ahli-ahli di semua peringkat.

Fasal 23 **BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA**

1. Bendera

Keterangan :

-

2. Lambang



Keterangan:

-

3. Lencana

Keterangan Lencana:

-

Fasal 24 **LAMPIRAN**

1. Bendera

Keterangan :

-

2. Lambang



Keterangan:

-

3. Lencana

Keterangan Lencana:

-